



ASWADI ALIAS | BERITA HARIAN

ORANG ramai meninjau bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin yang runtuh.

B.H 05/06/09 M.S.9

'Tiada maklumat lengkap rekaan bumbung stadium'

Senibahri Arkitek tak bertanggungjawab runtuh struktur

Oleh Sean Augustine
bhkt@bharian.com.my

KUALA TERENGGANU: Butiran terperinci berhubung rekaan dan bahan binaan bumbung tanpa sokongan tiang atau 'space frame' untuk Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin yang runtuh Selasa lalu, tidak pernah diberikan kepada arkitek utama projek itu, Raja Datuk Kamarul Baharin Shah Raja Ahmad.

Raja Kamarul Baharin berkata, walaupun syarikatnya Senibahri Arkitek tidak bertanggungjawab terhadap struktur bumbung itu, beliau sudah menyuarakan kebimbangan mengenai ketidakstabilan rekaan itu kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) tahun lalu dan sekali lagi pada awal tahun ini.

Katanya, beliau membuat aduan itu kerana sesiapa saja

boleh mengenal pasti bahawa struktur bumbung itu semakin melendut dan berubah daripada bentuk asalnya.

Kerja mereka bentuk, membuat dan memasang struktur bumbung space frame itu dilaksanakan kontraktor dari Korea Selatan, manakala bahagian lain stadium termasuk bumbung yang tidak terjejas dengan kejadian kel-

“Saya yakin kejadian malang itu dapat dielakkan jika semua butiran mengenai rekaan itu diberikan kepada kami”

Raja Datuk Kamarul Baharin Shah Raja Ahmad
Arkitek utama Senibahri Arkitek

marin, dilaksanakan oleh Senibahri Arkitek.

Mengulas lanjut, Raja Kamarul Baharin berkata, adalah penting untuk syarikatnya ketika itu mendapat butiran mengenai rekaan dan bahan binaannya bagi membolehkan jurutera menentukan kesesuaiannya.

"Saya tak dapat menjelaskan sama ada bumbung yang dibina itu sesuai untuk stadium berkenaan atau kenapa ia runtuh kerana saya tidak mendapat maklumat lengkap bagi memastikan ketepatan rekaannya.

"Saya yakin kejadian malang itu dapat dielakkan jika semua butiran mengenai rekaan itu diberikan kepada kami," katanya ketika dihubungi di Makkah, semalam.

Raja Kamarul Baharin berkata, pada mulanya beliau tidak mahu mengulas, tetapi memutuskan sebaliknya se-

karang apabila sebuah stesen televisyen kelmarin menunjukkan gambarnya apabila melaporkan mengenai kejadian runtuh bumbung itu.

Katanya, laporan itu bersifat negatif kerana seolah-olah menunjukkan beliau bertanggungjawab terhadap kerosakan yang berlaku.

"Saya ada banyak lagi (pendedahan) untuk dilontarkan, tetapi biarlah saya meluahkan kepada Suruhanjaya Siasatan yang saya harap lembaga siasatan turut memanggil Senibahri Arkitek," katanya.

Stadium bernilai RM292 juta dan dirasmikan pada 10 Mei 2008 itu dimajukan sekumpulan kontraktor anak Terengganu terdiri daripada Bina Struktur Sdn Bhd, Emarcon Sdn Bhd dan Gengam Mercu Sdn Bhd manakala arkitek ialah Senibahri Arkitek dan MAA Associates.